



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 11 MAC 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ARTHUR: AGRO SALES SAVES CONSUMERS CLOSE TO RM8mil, NATION, THE STAR -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	JANGAN CAMPUR BERAS TEMPATAN, IMPORT, DALAM NEGERI, UM -36	
3.	KEMPEN AGRONITA TERHAD 500 PELANGGAN, BISNES, HM -23	AGROBANK
4.	RAIH PENDAPATAN RM10,000 TERNAK IKAN KELI AFRIKA, DALAM NEGERI, UM -37	LAIN-LAIN
5.	HARGA MAKANAN DUNIA TURUN, MUKA DEPAN, SH -1	
6.	INDEKS HARGA MAKANAN DUNIA TURUN, NASIONAL, SH -2	
7.	HARGA DALAM NEGERI JUGA KENA TURUN, NASIONAL, SH -3	
8.	MALAYSIA AMBIL MASA LEBIH LAMA TURUNKAN HARGA, NASIONAL, SH -3	
9.	LEARN HOW TO BOOST AGROTOURISM FROM THE THAIS, LETTERS, NST -16	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Arthur: Agro sales saves consumers close to RM8mil

KENINGAU: The Madani programme involving sales of agricultural products has helped people save RM7.87mil, according to Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup.

He said the Agro Madani Sales programme was implemented in 1,227 locations nationwide, involving approximately 16,242 local entrepreneurs from January to March 3 this year.

He said last year, 5,608 Agro Madani Sales programmes - offering goods at 10% to 30% cheaper than in the market - were implemented nationwide, involving 74,800 entrepreneurs and a sales value of RM33.7mil.

From last year's figures, the Sabah Federal Agricultural Marketing Authority (fama) had organised a total of 367 Agro Madani Sales statewide, with a total sales value of RM5.2mil and involving a total of 3,990 entrepreneurs, Bernama reported.

"The Ministry of Agriculture and Food Security, through its departments and agencies, continues to commit to planning and implementing various initiatives to address the issue of the cost of living of the people.

"Now we are making strides with the inaugural Mega Agro Madani Sales in the interior of Sabah.

"This initiative is in line with the ministry's role as the main driving force in ensuring that food supplies are always sufficient and available for all Malaysians," he said in conjunction with the Mega Agro Madani Sales programme, which he launched in Sook here yesterday.

11/3/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

36

Jangan campur beras tempatan, import

Oleh YATIMIN ABDULLAH

yatimin.abdullah@mediamulla.com.my

KOTA BHARU: Kerajaan perlu memastikan beras putih tempatan yang akan dijual di dalam negara tidak dicampur dengan beras import bagi menjamin masa depan industri berkenaan.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Kangkong (PPK), Datuk Aimi Jusoh berkata, beliau bimbang sekiranya beras yang bakal dijual adalah campuran beras tempatan dan import, ia boleh membunuh industri padi dan beras negara pada masa hadapan seterusnya mengganggu ketenteraman makanan.

"Kerajaan perlu meneliti perkara ini secara lebih mendalam," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengetahui harga beras putih tempatan, beliau berpendapat, harga sebanyak RM32 untuk 10 kilogram (kg) dilihat lebih adil kepada seluruh rantaian industri terbabit.

Menurutnya, cadangan harga itu mengambil kira seluruh rantaian pengeluaran bermula daripada pesawah, pengilang, pemborong, peruncit serta pengguna beraskan situasi menantang-menang sekali gus mengurangkan kecenderungan



KERAJAAN disaran memastikan beras putih tempatan yang akan dijual di dalam negara tidak dicampur dengan beras import.

berlakunya manipulasi.

"Ketika ini saya lihat harga RM32 itu cukup munasabah kerana ia boleh memberikan kelegaan kepada pengilang dan petani. Dengan harga itu,

pengilang dapat meraih sedikit keuntungan bagi memastikan mereka terus bertahan ketika berdepan pelbagai peningkatan kos ketika ini.

"Ia pastinya memberi rang-

sangan kepada pengilang untuk terus meningkatkan pengeluaran, sekali gus menggelak manipulasi dengan mencampur beras tempatan dan import bagi meraih keuntungan berlipat kali ganda.

"Pada masa sama, pesawah pasti gembira apabila harga belian padi mencecah RM1,800 untuk satu tan metrik dapat membantu meringkan beban mereka. Hal ini kerana mereka berdepan peningkatan kos input pertanian sebanyak 100 peratus ketika ini," katanya.

Aimi yang juga Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan memberitahu, kebajikan golongan pesawah perlu diberi keutamaan kerana mereka adalah 'nadi' ketenteraman makanan negara.

Katanya, tanpa kerja keras, berkemungkinan besar negara boleh berdepan krisis makanan.

Ketua Petugas Khas Pemantauan kepada Kluster Makanan, Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul

Fasal sebelum ini mencadangkan harga beras putih tempatan patut dijual pada harga RM30 bagi 10 kilogram kerana ia memberi keadilan kepada semua pihak.

Kempen AgroNita terhad 500 pelanggan

Kuala Lumpur: Bagi meraikan pencapaian dan pelaksanaan golongan wanita, Agrobank melancarkan Kempen AgroNita terhad kepada penyertaan 500 pelanggan wanita yang terawal.

Agrobank menawarkan manfaat langganan Perlingtonan Takaful Kemalangan Diri melalui Takaful Kasih Plus selama setahun sehingga RM10,000.

Untuk menyertai kempen ini, peserta yang layak hanya perlu membuat deposit minimum sebanyak RM500 melalui Akaun Simpanan AGRO Farah-i, atau melanggan pembiayaan kredit mikro dengan pembiayaan minimum sebanyak RM5,000.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Kempen Agronita 2024 ini adalah manifestasi terhadap komitmen dan usaha berterusan Agrobank dalam mendukung agenda pembangunan ekonomi dan sosial, selain meraikan pencapaian golongan wanita di Malaysia.

“Agrobank sentiasa menghargai peranan dan sumbangan kaum wanita dalam memperkasakan institusi kekeluargaan, kemasyarakatan dan kemajuan ekonomi negara.

“Inisiatif ini ditujukan khusus buat pelanggan wanita di Malaysia dengan perantaraan sehingga RM20

juta disediakan bagi kempen ini,” katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, ia selaras dengan aspirasi kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai kaum hawa untuk menceburi bidang keusahawanan mikro atau perusahaan kecil dan sederhana (PKS), di samping menyemai tabiat menyimpan dan menguruskan kewangan yang mampan.

“Kami mengalu-alukan penyertaan anda agar dapat menikmati manfaat daripada Pelan Perlingtonan Takaful Kasih Plus sebagai jaminan keselamatan kewangan untuk menghadapi waktu sukar, di

samping memastikan pelanggan wanita dilindungi sekiranya sesuatu yang tidak dijangka berlaku,” katanya.



TENGGU Ahmad Badli Shah

11/8/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

37

Raih pendapatan RM10,000 ternak ikan keli Afrika

Oleh WAN ZURATIKAH
IFFAH WAN ZULKIFLI
utusannews@mediamula.com.my

BESUT: Seorang peneroka mampu meraih pendapatan sampingan sebanyak RM10,000 setahun hasil memelihara ikan keli Afrika.

Mokhtar Ismail, 65, berkata, dia mula memelihara ikan keli sejak 2010 di kawasan alur sungai di ladang kelapa sawitnya berkeluasan 4.05 hektar, di Fel-da Selasih di sini.

"Ikan keli Afrika ini mengamb- bil masa setahun atau lebih un- tuk mencapai berat tiga hingga lima kilogram seekor. Jadi untuk jual ikan bersaiz itu juga mengi- kut tempoh pembesaran.

"Ikan ini mendapat per- mintaan tinggi daripada pen- gusaha kolam pancing, kerana ia digunakan untuk aktiviti pertandingan memancing dan sebagainya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Mokhtar memberitahu, dia mampu menghasilkan antara 500 kilogram sehingga satu tan ikan keli induk setahun.

Selain ikan keli Afrika bersaiz besar, dia juga memasarkan ikan keli bersaiz kecil yang dijual dengan harga RM8 hingga RM10 sekilogram mengikut saiz.

"Meskipun ikan keli ini di- ternak, namun rasanya seperti ikan liar yang tidak hanyir serta manis kerana saya mengguna- kan sistem penternakan berkon-



MOKHTAR Ismail memberi makan ikan keli Afrika yang diternak di Fel-da Selasih, Besut. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

sepkan 'alami' (semula jadi)," jelasnya.

Menurut Mokhtar, hasil ter- nakannya akan dipasarkan melalui pelbagai cara termasuk pelanggan datang sendiri atau di jual terus kepada peniaga ke- dai makan, kantin sekolah dan restoran.

Bapa kepada sembilan anak itu turut berkongsi cabaran dih-

adapi dalam mengusahakan ter- nakan ikan tersebut antaranya, ancaman haiwan pemangsa seperti biawak dan memarang selain manusia yang mencuri ikan yang diternak.

"Saya pernah kerugian lebih RM5,000 apabila ikan dicuri. Kejadian itu kerap berlaku me- nyebabkan saya terpaksa tidur di ladang," katanya.

HARGA MAKANAN DUNIA TURUN

■ Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) iaitu agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaporkan, harga makanan dunia berturut-turut, dengan beras dan gandum mengalami kejatuhan ketara sehingga mengatasi gula dan bahan tenusu.

■ Persatuan Pengguna Kedah (CAKE) berpandangan, sekiranya perkembangan itu memberi tempat kepada Malaysia, sepatutnya pengedar dan peniaga di negara ini turut sama menurunkan harga makanan terutama yang berasaskan bijirin.

■ Pakar ekonomi pula melihat bahawa ia tanda pasaran sudah mulai kembali kepada normal selepas pandemik, namun Malaysia akan mengambil masa lebih lama untuk merasai kesan daripada penurunan harga tersebut.



11/8/2024

SINAR MUKA DEPAN

2

HARIAN

Indeks harga makanan dunia turun

Berdasarkan laporan FAO, harga makanan dunia alami kemerosotan tujuh bulan berturut-turut

SHAH ALAM

Penanda aras bagi harga komoditi makanan dunia termasuk beras dan gandum ketujuh berturut-turut pada Februari lalu.

Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) iaitu agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkata, ia didorong oleh sebab harga antarabangsa yang lebih rendah untuk semua bijirin utama kerana mengimbangi kenaikan harga gula dan daging.

Menurut agensi itu, indeks harga makanan secara keseluruhan merokodkan purata 0.7 peratus berbanding Januari lalu dan merosot sebanyak 10.5 peratus berbanding bulan yang sama tahun lepas.

"Indeks harga bijirin menurun sebanyak lima peratus pada Februari lalu untuk mencapai tahap 22.4 peratus berbanding pada Februari 2023 dan menyaksikan harga beras antarabangsa menurun sebanyak 1.6 peratus.

"Harga gandum antarabangsa turut menurun terutamanya disebabkan oleh kadar eksport yang tinggi dari Rusia. Harga eksport jagung menurun paling banyak akibat jangkaan hasil tinggi di Amerika Selatan dan harga yang kompetitif ditawarkan Ukraine," kata FAO dalam satu kenyataan pada Ahad. Mengulas lanjut, FAO berkata, indeks harga minyak sayu-

tan berkurangan sebanyak 1.3 peratus berbanding Januari dan berada pada paras 11 peratus berbanding nilai yang direkodkan pada Februari 2023.

Menurutnya, harga minyak soya antarabangsa juga menurun dengan ketara, disokong oleh prospek hasil soya yang melimpah di Amerika Selatan.

Agensi makanan itu menjelaskan, harga daging biri-biri antarabangsa merosot, sebabharganya disebabkan oleh pengeluaran yang memecahkan rekod ekoran pembentukan semula kumpulan bintangan ternakan tersebut di Australia. Bagaimanapun, ujarinya, harga minyak kelapa sawit dunia meningkat pada Februari disebabkan oleh pengeluaran yang lebih rendah secara bermusim.

"Indeks harga gula juga meningkat sebanyak 3.2 peratus pada Februari. Kenaikan harga itu mencerminkan kebangkitan berterusan terhadap pengeluaran Brazil yang akan datang selepas tempoh hujan di bawahan purata yang berpanjangan serta ramalan penurunan pengeluaran di Thailand dan India, dua negara pengeksport utama.

"Bagi indeks harga daging pula, ia meningkat sebanyak 1.8 peratus dari Januari, dengan harga ayam meningkat paling banyak diikuti daging lembu yang dipengaruhi oleh hujan lebat, sekali gus mengganggu pengangkutan lembu di Australia,




AFP/PUTRA



Penurunan harga gandum didorong oleh sebab harga antarabangsa yang lebih rendah untuk semua bijirin utama kerana mengimbangi kenaikan harga gula dan daging.

INDEKS HARGA MAKANAN



ujarnya. Tambahan agensi itu, harga daging babi juga meningkat sedikit kerana permintaan yang lebih tinggi daripada China dan keadaan bekalan yang dikawal ketat di Eropah Barat.

Katanya, indeks harga tenusu meningkat sebanyak 1.1 peratus yang dipengaruhi oleh permintaan import yang lebih tinggi daripada pembeli Asia untuk daging sejalan peningkatan harga juga direkodkan bagi serbuk susu dan keju.

HARGA BARANG MAKANAN YANG TURUN

1. Beras
2. Gandum
3. Jagung
4. Minyak sayuran
5. Minyak soya
6. Daging biri-biri

HARGA BARANG MAKANAN YANG NAIK

1. Minyak kelapa sawit
2. Gula
3. Ayam
4. Daging lembu
5. Daging babi
6. Produk tenusu seperti mentega, serbuk susu dan keju

Indeks harga makanan dikeluarkan FAO yang menunjukkan penurunan pada Februari lalu.

Harga dalam negara juga kena turun

Persatuan pengguna
bimbang trend
penurunan lebih
perlahan berbanding
kenaikan harga

SHAH ALAM

Harga komoditi seperti beras dan gandum serta makanan di negara ini perlu lebih murah seiring dengan penurunan indeks harga makanan dunia.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah, Mohd Yusrizal Yusoff berkata, dalam banyak kes yang berlaku sebelum ini, penurunan harga bagaimana apabila berlakunya kenaikan harga di pasaran.

"Jika Malaysia, kerana tempas daripada penurunannya, saya harapkan kerajaan tingkatkan pemantauan bagi memastikan pengedar dan peniaga juga berbuat sedemikian.

"Sama macam situasi harga beras di pasaran sekarang, kita dapat lihat paras penurunan disebabkan borong terpaksa akur.

"Bila nampak ada kedai tak nak turunkan harga, kerajaan kena ambil tindakan kerana ia salah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Kita gesa agar pihak pengatuksaan bekrja lebih keras untuk pantau," katanya kepada *Sinar Harian*.



Walaupun harga tepung dunia mula menurun, kesannya belum dapat dirasai di Malaysia.



MOHD YUSRIZAL

kerana harga roti di pasaran sudah lama naik sedangkan ia adalah antara keperluan rakyat.

"Bila harga pasaran naik impaknya harga makanan akan naik sama, kita faham. Tapi bila harga gandum turun tapi kedai tak turunkan harga makanan berasaskan gandum, ini dah jadi satu benda yang tidak sihat. Kita minta supaya harganya juga akan menjadi lebih rendah," jelasnya.

Malaysia mengimport RM75.6 bilion produk makanan berbanding eksport RM44.6 bilion pada 2022, menurut laporan Jabatan Perdagangan Malaysia.

Malaysia ambil masa lebih lama turunkan harga

SHAH ALAM - Malaysia dijangka mengambil lebih masa untuk merasai kesan daripada penurunan harga makanan global termasuk beras dan gandum, meskipun berlaku penyusutan nilai komoditi itu di sejak tujuh bulan lalu.

Felo Perunding dan Pemegang Kursi Keterjaminan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia, Profesor Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad berkata, keadaan ini berlaku disebabkan ia bergantung kepada situasi pasaran global dan dalam negeri.

Menurutnya, menjadi kebiasaan kesan kenaikan lebih cepat dirasai pengguna berbanding penurunan yang akan mengambil masa lebih panjang. "Fenomena ini (penurunan harga makanan dunia) selepas dilanda masalah tiga pandemik secara berlanjutan.

"Tiga pandemik itu ialah Covid-19, perang Rusia dan Ukraine serta perubahan iklim yang telah menyebabkan masalah kepada makanan dunia," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Bellau berkata demikian ketika diminta mengulas kesan yang diterima Malaysia susulan penurunan harga makanan global yang ditunjukkan ketika ini. Ditanya syor atau cadangan kepada kerajaan dalam memastikan sekuriti makanan negara kekal berdaya tahan, Fatimah berkata, terdapat beberapa langkah yang boleh dilaksanakan.


Antara syor yang dikemukakan bellau ialah melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi serta mencontohi tindakan yang dibuat India yang melaksanakan transformasi pertanian.

"Tiada jalan mudah untuk Malaysia tingkatkan hasil pertanian, selain mempertimbangkan syor yang diberikan ini," katanya.

Menurutnya, sudah tiba masanya juga untuk negara bergerak ke arah dasar baharu bagi menjamin industri dan sekuriti negara.



FATIMAH



Agrotourism provides economic and social benefits to communities. FILE PIC

TOURISM

Learn how to boost agrotourism from the Thais

AGROTOURISM, or agritourism, has attracted increased attention in recent decades as a result of government initiatives to diversify the income sources of remote communities.

It aims to optimise the use and ecological impact of agriculture, while fostering hospitality to attract tourists, both local and foreign.

In Selangor, agrotourism ranks among the top 10 tourist attractions, alongside ecotourism, theme parks, cultural and heritage pursuits, shopping and leisure activities.

Sabak Bernam is one such location, particularly the padi cultivation in Sekinchan and Sungai Besar.

The region is part of the Industrial Clusters and Priority Areas for Industrial Development under the Selangor State Structural Plan 2035.

It has potential for the establishment of agricultural sectors beyond rice cultivation, including herbs, fruit and vegetable plantations and livestock.

An essential part of enhancing agricultural tourism is establishing an agricultural and livestock academy. And not just Sabak Bernam. Look also to other areas in the country to explore the full potential of agrotourism.

Thailand is a good example of optimal approaches to agrotourism. It has had a thriving agricultural sector for many years due to the abundance of fertile land suitable for livestock and cultivation.

Over time, many agricultural regions have undergone transformation into tourist destinations, attracting visitors and providing support for community-based tourism, rural tourism and ecotourism.

The thriving agrotourism sector offers visitors insights into rural Thai lifestyles, helps them learn about agriculture, lets them delve into the country's cultural heritage and allows them to visit environmentally sustainable destinations.

Agrotourism has provided economic and social benefits to the local community through the diversification of sources of income, creation of jobs and the establishment of business opportunities.

Learning from the Thai experience and taking into account our agrotourism potential, it is time for us to grow the industry, not just in Selangor, but nationwide, for the nation's benefit.

NADHIRAH GHOFUR

Sabak Bernam, Selangor